

24 JUN 1997

PENYUSUNAN SEMULA KPB SIAP AKHIR BULAN INI

Oleh: Zainab Mohd Yatim

JOHOR BAHRU, 24 Jun (Bernama) -- Urusan penyusunan dan pengaturan semula Konsortium Perkapalan Berhad (KPB) akan selesai pada akhir bulan ini, kata pengerusinya, Mirzan Mahathir hari ini.

"Kami sudahpun mengadakan mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa semalam, dan berpuas hati bahawa para pemegang saham telahpun bersetuju dengan urusan tersebut," katanya.

Mirzan berkata demikian kepada Bernama selepas menghadiri majlis perasmian persidangan antarabangsa Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Singapura, di sini.

Persidangan dua hari ini berjudol "Kawasan Tanpa Sempadan Bagi Kemajuan Mapan" dianjurkan bersama oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan Yayasan Hanns Siedel dari Jerman.

Ia dihadiri oleh kira-kira 50 orang peserta dari sektor swasta yang beroperasi di Johor.

Semalam, Mirzan telah disebut sebagai berkata bahawa program penyusunan semula itu adalah sejajar dengan usaha KPB menjadi pembekal khidmat logistik bersepadu di rantau ini.

Urusan itu yang mula menonjol setahun lalu akan menjadikan KPB bergiat dalam pengendalian logistik daratan, manakala khidmat logistik lautan akan dikendalikan oleh cabang perkapalannya Diperdana Corporation Bhd.

"Urusan tersebut akan mula menyumbangkan kepada keuntungan tahun ini," kata beliau. -- BERNAMA

ZMY MA/sia